



SOALAN LAZIM (FAQ)

PAS PERJALANAN PERCUMA TANPA HAD MYRAILLIFE

1. Apakah itu Pas MyRailLife?

Pas MyRailLife adalah Pas perjalanan percuma kepada golongan kanak-kanak bawah 6 tahun, pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 serta Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Perkhidmatan Komuter dan Perkhidmatan Shuttle Timuran (DMU).

2. Apakah faedah Pas MyRailLife?

Pas ini diperkenalkan untuk meringankan beban kos pengangkutan golongan kanak-kanak, pelajar sekolah dan OKU yang menggunakan Perkhidmatan Komuter dan Perkhidmatan Shuttle Timuran selain mengalakkan kanak-kanak, pelajar sekolah dan golongan OKU menggunakan pengangkutan awam.

3. Bilakah Pas MyRailLife baharu akan dikeluarkan?

Pas MyRailLife baharu akan dikeluarkan mulai 1 Januari 2026.

4. Bilakah Pas MyRailLife baharu akan ditamatkan penggunaannya?

Pas MyRailLife baharu akan ditamatkan penggunaannya pada 31 Disember 2026.

5. Apakah syarat kelayakan untuk mendapatkan Pas MyRailLife?

Syarat kelayakan untuk mendapatkan Pas MyRailLife adalah seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia; dan
- b. Kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun; atau
- c. Pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 5 (berumur 7 hingga 17 tahun); atau
- d. Pelajar sekolah tingkatan 6 (berumur 18 tahun dan ke atas); atau
- e. Golongan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

6. Dimanakah pendaftaran Pas MyRailLife boleh dibuat?

Pendaftaran Pas MyRailLife boleh dibuat;

- a. Di Kaunter Tiket Stesen Perkhidmatan Komuter dan Stesen Perkhidmatan Shuttle Timuran; atau
- b. Secara dalam talian menerusi Aplikasi Rasmi KTMB; atau
- c. Di Mesin Kios Tiket Stesen Perkhidmatan Komuter dan Stesen Perkhidmatan Shuttle Timuran bagi Kanak-kanak bawah 6 tahun sahaja mulai 15 Jan 2025 (tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa)

7. Apakah dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran Pas MyRailLife?

Dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran Pas MyRailLife adalah seperti berikut:

- a. Dokumen Pengenalan Diri Malaysia (Sijil Lahir / MyKid / MyKad); dan
- b. Surat Pengesahan Pelajar daripada pihak sekolah (bagi pelajar tingkatan 6 sahaja); atau
- c. Kad OKU yang dikeluarkan JKM (bagi OKU sahaja).

8. Adakah ibu bapa atau penjaga pelajar sekolah tahun 1 hingga tingkatan 6 dan golongan oku dibenarkan mendaftar bagi pihak mereka?

Ya, ibu bapa atau penjaga perlu membawa dokumen seperti dinyatakan dalam perkara (7) sewaktu membuat pendaftaran / pengeluaran Pas MyRailLife di kaunter tiket.

9. Berapakah masa yang diambil untuk memproses permohonan Pas MyRailLife?

Masa yang diambil untuk memproses permohonan Pas MyRailLife adalah seperti berikut:

- a. Kelulusan serta-merta bagi permohonan dibuat di kaunter dan mesin kios tiket.
- b. Kelulusan dalam masa 5 hari bekerja bagi permohonan dibuat secara dalam talian.

10. Berapakah bayaran yang dikenakan untuk mendapatkan Pas MyRailLife?

Tiada bayaran dikenakan untuk mendapatkan Pas MyRailLife.

11. Bolehkah Pas MyRailLife dipindah milik?

Tidak, Pas MyRailLife tidak boleh dipindah milik.

12. Dimanakan Pas MyRailLife boleh digunakan?

Pas MyRailLife boleh digunakan untuk membuat perjalanan menaiki tren KTMB bagi perkhidmatan dan laluan seperti berikut:

- a. Perkhidmatan Komuter Utara
 - Laluan Padang Besar – Butterworth – Padang Besar
 - Laluan Butterworth – Ipoh – Butterworth
- b. Perkhidmatan Komuter Lembah Klang
 - Laluan Tanjung Malim – Pelabuhan Klang – Tanjung Malim
 - Laluan Batu Caves – Pulau Sebang / Tampin – Batu Caves
- c. Perkhidmatan Shuttle Timuran (DMU)
 - Laluan Gemas – Tumpat – Gemas

13. Adakah penggunaan Pas MyRailLife tertakluk kepada Penalti Komuter

Tidak. Walaubagaimanapun, penumpang perlu membuat transaksi perjalanan lengkap (Imbas Masuk dan Imbas Keluar).

14. Apakah syarat-syarat penggunaan Pas MyRailLife?

Syarat-syarat penggunaan Pas MyRailLife adalah seperti berikut:

- a. Boleh digunakan dari mana-mana Stesen Permulaan ke mana-mana Stesen Destinasi dalam sektor perkhidmatan yang sama; dan
- b. Boleh digunakan oleh penumpang yang dicatatkan pada Pas MyRailLife; dan
- c. Boleh digunakan dalam tempoh sah laku yang tercatat pada Pas MyRailLife; dan
- d. Pas MyRailLife dan MyKad / MyKid mesti dikemukakan kepada Kakitangan KTMB semasa pemeriksaan.

15. Bolehkah Pas MyRailLife ini digunakan di kedua-dua sektor Perkhidmatan Komuter dan di sektor Perkhidmatan Shuttle Timuran?

Boleh. Walaubagaimanapun, penumpang hanya dibenarkan untuk membuat transaksi perjalanan lengkap (Imbas Masuk dan Imbas Keluar) dalam sektor sama sahaja.

16. Bolehkah Pas MyRailLife digunakan di rangkaian Rapid KL dan Rapid Penang (Rel & Bas) serta ERL?

Tidak. Pas MyRailLife tidak boleh digunakan di rangkaian Rapid KL dan Rapid Penang (Rel & Bas) serta ERL.

17. Apakah yang perlu dibuat sekiranya Pas MyRailLife hilang?

Sekiranya Pas MyRailLife hilang, Laporan Polis perlu dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan pas tersebut. Laporan berkenaan perlu dikemukakan kepada kakitangan di mana-mana kaunter Perkhidmatan Komuter atau Perkhidmatan Shuttle Timuran dan membuat pembelian Kad Komuter Link bagi pengeluaran Pas MyRailLife yang baharu

18. Apakah yang perlu dibuat sekiranya Pas MyRailLife rosak?

Sekiranya Pas MyRailLife rosak, penumpang perlu membuat pembelian Kad Komuter Link bagi pengeluaran Pas MyRailLife yang baharu di mana-mana kaunter Perkhidmatan Komuter atau Perkhidmatan Shuttle Timuran.

19. Apakah yang perlu dibuat sekiranya Pas MyRailLife Kanak-Kanak Bawah 6 Tahun hilang / rosak?

Ibu bapa atau penjaga perlu membuat laporan di mana-mana kaunter Perkhidmatan Komuter atau Perkhidmatan Shuttle Timuran bagi mendapatkan Pas MyRailLife Kanak-Kanak Bawah 6 Tahun yang baharu secara percuma.

20. Apakah yang akan berlaku apabila Pas MyRailLife jika disalahguna?

Tindakan yang akan dikenakan kepada penumpang yang ditangkap menyalahgunakan Pas MyRailLife adalah seperti berikut:

- a. Dikenakan Surcaj (denda) RM30 beserta Tambang Perjalanan; atau
- b. Diarahkan turun dari tren jika gagal menjelaskan bayaran; dan
- c. Pas MyRailLife yang telah disalahguna akan dibatalkan serta Pemegang Asal Pas MyRailLife akan disenaraihitamkan.

21. Dimanakah penumpang boleh membuat pertanyaan lanjut berkaitan inisiatif ini?

Penumpang boleh membuat pertanyaan lanjut melalui:

- a. Akaun media sosial rasmi KTMB;
 - i. Facebook (KTM Berhad)
 - ii. X (@ktm_berhad)
 - iii. Instagram (ktmbofficial)

Atau

- b. Hubungi Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 03-9779 1200 (7.00 pagi – 10.00 malam).

[Tamat]